

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6535

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) adakah terdapat pegawai keselamatan terutama pihak PDRM mengalami masalah ancaman psikologi dan tekanan mental akibat daripada kesan tohmahan, tuduhan melulu dan ejekan masyarakat ketika menjalankan tugas di lapangan; dan
- (b) adakah terdapat butiran statistik berkenaan jumlah pegawai yang memohon untuk mendapatkan kaunseling berkaitan masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), sejak bahagian agama dan kaunseling (BAKA) dalam Pasukan Polis ditubuhkan, tiada terdapat warga PDRM yang mengalami masalah ancaman psikologi dan tekanan mental akibat daripada tomahan, tuduhan melulu dan ejekan masyarakat ketika menjalankan tugas. Pegawai polis telah dilatih untuk sentiasa tenang bagi menghadapi sebarang tekanan semasa menjalankan tugas mereka di lapangan.

Bagi menjawab soalan (b), khidmat kaunseling yang diberikan kepada pegawai polis bukan disebabkan tekanan akibat tomahan masyarakat semasa kerja tapi ianya berpunca daripada masalah yang lain seperti masalah disiplin, keluarga, peribadi dan kerjaya.

Statistik pegawai polis yang menerima khidmat kaunseling bagi tahun 2011 sehingga tahun 2013 seperti berikut:-

BIL	TAHUN	MASALAH				UMUR (THN)			JANTINA	
		DISIPLIN	KELUARGA	PERIBADI	KERJAYA	17 - 30	31 - 44	> 45	LELAKI	WANITA
1.	2011	379	250	298	136	421	489	153	698	365
2.	2012	201	179	234	169	159	596	28	589	194
3.	2013	521	297	238	289	493	602	247	833	509